

## **Pemeliharaan *Maslahah* di Sebalik Pensyariatan Konsep Berpakaian Wanita Menurut Islam** (*Preservation of Maslahah in Women's Clothing and Dress Code According to Islamic Point of View*)

**\*<sup>1</sup>Mansor Sulaiman, <sup>2</sup>Zailin Shah Yusoff, <sup>\*\*3</sup>Ahmad Murad Zainuddin,  
<sup>4</sup>Ahmad Irfan Ikmal Hisham, & <sup>5</sup>Abdullah Long**

<sup>1,4,5</sup>Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.

E-mel: [mansor@ump.edu.my](mailto:mansor@ump.edu.my), [irfan@ump.edu.my](mailto:irfan@ump.edu.my), [abdullahlong\\_srcisum@yahoo.com](mailto:abdullahlong_srcisum@yahoo.com)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia.

E-mel: [zailin@uthm.edu.my](mailto:zailin@uthm.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Bersalin & Pakar Wanita, Johor, Malaysia. E-mel: [dramz92@yahoo.com](mailto:dramz92@yahoo.com)

### **ABSTRAK**

Tulisan ini cuba menghuraikan berkenaan konsep pemeliharaan *maslahah* yang diutarakan Islam dalam pensyariatan hukum-hakam Syariah. Walaupun begitu, tulisan ini hanya akan memfokuskan dalam aspek konsep pakaian wanita di hadapan lelaki bukan mahram sahaja dengan bersandarkan kepada rujukan-rujukan perpustakaan meliputi kajian terhadap teks-teks seperti tafsir al-Quran, fiqh dan sebagainya. Pemilihan fokus ini disebabkan terdapat pelbagai pandangan negatif yang dilemparkan oleh sesetengah ahli masyarakat terhadap konsep ini. Sehubungan itu, tulisan ini akan cuba mengutarakan hukum-hakam berkaitan pakaian wanita termasuk keadaan-keadaan yang diberikan kelonggaran syarak (*rukhsah*) beserta penjelasan berkenaan *maslahah* di sebaliknya. Secara umumnya, tulisan ini merumuskan bahawa pensyariatan konsep pakaian ini antara lainnya bertujuan menutup jalan yang boleh membawa kepada jenayah seksual terhadap wanita dan secara tidak langsung menyumbang kepada keharmonian hidup masyarakat. Tulisan ini diharapkan dapat memberikan manfaat yang besar kepada sumbangan ilmiah berkaitan cara hidup Islam.

**Kata kunci:** Konsep pakaian wanita, Islam, Maslahah, Aurat

### **ABSTRACT**

*This paper seeks to elaborate the concept of preserving maslahah in the Shari'ah according to Islamic point of view. Nevertheless, the focus of this paper is limited to aspects of women's clothing and dress code in the presence of men who are non-mahraam (to whom marriage is permissible) supported by evidence from review of literatures related to relevant textual studies such as those of the Qur'anic exegesis and fiqh. The selection of such focus has been made mainly because there have been certain members of the community who have opined negatively on this concept. As such, this paper attempts to unravel the rules related to women's clothing which include conditions deemed by the shari'a as rukhsah accompanied by the underlying explanations regarding maslahah concerning these*

---

\* Corresponding author.

\*\* Pakar Perunding Obstetrik & Ginekologi di hospital swasta dan merupakan mantan Profesor Madya di IIUM Fertility Centre, International Islamic University Malaysia.

**Rujuk artikel ini sebagai:** Mansor Sulaiman, Zailin Shah Yusoff, Ahmad Murad Zainuddin, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, & Abdullah Long. (2017). Pemeliharaan masalah di sebalik pensyariatan konsep berpakaian wanita menurut Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1), 62-72. Retrieved from <http://journals.ump.edu.my/index.php/ijhtc/issue/view/17>

*exemptions. In general, the study has concluded that the concept of clothing from Islamic point of view has been aimed at, among others, preventing ways that could possibly lead to sexual crimes towards women, and indirectly contributing to harmonious living conditions in the community. It is anticipated that the present study would be of great significance to the enrichment of the literature on the Islamic way of life.*

**Keywords:** *Women's clothing concept, Islam, Maslahah, Aurat*

## PENDAHULUAN

Islam merupakan suatu cara hidup yang diturunkan Allah kepada manusia. Seluruh kandungannya merupakan panduan yang terbaik kepada manusia. Sehubungan itu, tulisan ini akan menjelaskan kebaikan atau *maslahah* di sebalik konsep berpakaian wanita Islam di hadapan lelaki bukan mahram. Ia secara tidak langsung membantu masyarakat memahami tujuan pensyariatan konsep ini terutama di zaman masyarakat yang semakin jauh daripada pemahaman yang benar terhadap ajaran Islam. Beberapa isu yang berlaku di negara kita akhir-akhir ini, antaranya seperti isu larangan pekerja hotel wanita Islam bertudung seperti dilaporkan dalam Utusan Malaysia (2017, November 16) dan sebagainya menunjukkan masalah kefahaman masyarakat yang masih ketara berkenaan perkara ini. Justeru diharapkan kertas kerja ini dapat memberikan pencerahan yang baik berkenaan konsep ini.

## KONSEP MASLAHAH

Al-Ghazali (t.th.) menyatakan bahawa *maslahah* adalah merupakan suatu yang berkonsepkan penghasilan manfaat dan penolakan kemudaratan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa *maslahah* yang dikemukakan oleh syariat Islam bertujuan untuk memelihara matlamat penurunan syariat (*Maqasid al-Shariah*) itu sendiri iaitu memastikan dan memelihara *maslahah* yang kembali kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada kemudaratan berteraskan kepada pemeliharaan 5 perkara iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta. Sebarang tindakan yang merosakkan 5 perkara ini dikira sebagai *mafsadah* (kerusakan) manakala memeliharanya pula dikira *maslahah*. Al-Buti (1982) pula menyatakan bahawa para ulama telah bersepakat (*ijma'*) bahawa seluruh hukum Allah adalah bersifat menjamin *maslahah* manusia di dunia dan akhirat selari dengan firman Allah dalam surah al-Anbiya', ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahannya:

*"Dan tidaklah kami mengutuskan kamu wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat kepada alam ini"*

(al-Quran 21:107)

Menurut Zaidan (1993) pula, *maslahah* yang dibincangkan di sini merupakan *maslahah* berdasarkan pertimbangan syarak dan bukan pertimbangan nafsu dan syahwat manusia. Ini disebabkan sekiranya pertimbangan ini diserahkan kepada manusia maka boleh jadi seseorang itu akan hanya melihat sesuatu itu dengan pandangan nafsu semata-mata sehingga melihat bahawa suatu yang bermanfaat itu sebagai suatu mudarat dan begitu juga sebaliknya iaitu melihat mudarat itu sebagai manfaat. Perkara ini boleh berlaku apabila seseorang itu terkesan dengan dorongan nafsu serta kepentingan-kepentingan diri yang tertentu. Sebagai contoh, sekiranya *maslahah* ini diserahkan kepada manusia tanpa sebarang panduan syarak, maka ia boleh membawa kepada seseorang itu berpandangan bahawa berpakaian menutup aurat itu kolot dan menjadikan seseorang itu tidak mampu bersaing manakala berpakaian mendedahkan aurat adalah suatu yang moden dan memberikan lebih keyakinan diri kepada seseorang berdasarkan pertimbangan *maslahah* diri sendiri.

## **Pembahagian Kategori *Maslahah***

*Maslahah* mempunyai 3 kategori iaitu *al-Dharuriyat*, *al-Hajiyat* dan *al-Tahsiniyat*. *Al-Dharuriyat* merupakan *maslahah* yang sangat diperlukan bagi memastikan wujud dan kekalnya kehidupan manusia dan masyarakat. Sekiranya ia tiada maka rosaklah sistem kehidupan serta manusia akan berada dalam keadaan kacau-bilau. Manusia akan sengsara di dunia dan di akhirat akan mendapat azab. Perkara-perkara yang termasuk dalam kategori *al-Dharuriyat* ini adalah agama, jiwa, akal, zuriat dan harta. Kelima-lima perkara ini dipelihara oleh syariat Islam menerusi pensyariatan hukum-hakam yang berperanan mewujudkan serta memeliharanya daripada sebarang kerosakan. Sebagai contoh, dalam aspek zuriat, disyariatkan perkahwinan bagi memastikan kewujudannya. Dalam masa yang sama disyariatkan hukum-hakam seperti pengharaman zina dan hukuman bagi pelaku zina bagi memeliharanya. *Al-Hajiyat* pula adalah perkara-perkara yang diperlukan manusia bagi mengangkat kesusahan dan kesukaran daripada manusia. Ketiadaannya tidak memberi implikasi kerosakan sistem kehidupan manusia tetapi mereka akan berada dalam keadaan kesukaran dan kesempitan yang berterusan. Oleh kerana itu, hukum-hakam yang dikemukakan syariat bagi mengangkat kesusahan daripada manusia adalah termasuk dalam kategori *al-Hajiyat*. Sebagai contoh, dikemukakan hukum *rukhsah* dalam ibadah bagi mengangkat kesukaran untuk mereka yang berkenaan. Begitu juga disyariatkan pelbagai sistem dalam aspek muamalat sebagai pengecualian daripada kaedah umum dalam hukum seperti diharuskan jual beli salam, disyariatkan talak dan sebagainya. *al-Tahsiniyat* pula adalah perkara-perkara yang menjadikan keadaan manusia berada dalam keadaan yang menepati adab dan akhlak yang baik dan tinggi. Ketiadaannya tidak memberi implikasi kerosakan sistem hidup manusia serta tidak mendatangkan kesukaran kepada mereka. Tetapi ia menjadikan kehidupan mereka berada dalam keadaan bercanggah dengan kehidupan bermaruah, berakhlak mulia dan fitrah kemanusiaan. Syariat Islam memelihara aspek *al-Tahsiniyat* ini dalam pelbagai aspek kehidupan manusia seperti dalam aspek ibadah, muamalat, adat kebiasaan dan juga hukuman. Sebagai contohnya, Islam mensyariatkan penutupan aurat, pemakaian baju yang baik ketika memasuki masjid, mengharamkan jualan atas jualan orang lain, menentukan adab-adab tertentu dalam aspek adat kebiasaan yang dilalui manusia dan sebagainya (Zaidan, 1993).

Selain daripada itu, bagi menyempurnakan *maslahah* di kalangan manusia, maka bagi ketiga-tiga kategori *maslahah* ini disyariatkan perkara-perkara yang bersifat menyempurnakannya. Sebagai contohnya, dalam kategori *al-Dharuriyat*, selain pengharaman zina bagi tujuan memelihara aspek zuriat, syariat Islam mengharamkan juga perkara-perkara yang boleh membawa seseorang itu terjebak kepadanya. Antaranya ialah seperti pengharaman khalwat antara lelaki dan perempuan, pengharaman bagi lelaki melihat wanita dengan syahwat, dan juga diharamkan bagi wanita berpakaian yang boleh membawa kepada menarik perhatian kaum lelaki secara syahwat. Dalam kategori *al-Hajiyat* pula, selain peruntukan beberapa jenis kaedah jual-beli yang bertujuan mengelak kesukaran kepada manusia, syariat Islam menetapkan juga syarat-syarat tertentu sebagai pelengkap kepada kaedah-kaedah tersebut. Manakala dalam kategori *al-Tahsiniyat*, antaranya disyariatkan amalan sunat *al-Nawafil* sebagai penyempurna kepada ibadah-ibadah wajib (Zaidan, 1993).

## **Hubungan antara Tiga Kategori *Maslahah***

Tiga kategori *maslahah* yang dikemukakan di sini adalah berbeza dari sudut keutamaan antara satu sama lain. Kategori yang paling utama antara ketiga-tiga kategori tersebut adalah *al-Dharuriyat*, kemudian diikuti *al-Hajiyat* dan akhir sekali adalah *al-Tahsiniyat*. Implikasi daripada urutan ini adalah seperti berikut, iaitu mana-mana hukum yang diputuskan oleh syariat dalam kategori yang lebih utama adalah lebih penting daripada yang di bawahnya. Sebagai contohnya, hukum-hakam dalam kategori *al-Dharuriyat* lebih utama daripada hukum-hakam dalam kategori *al-Hajiyat*, begitu juga hukum-hakam dalam kategori *al-Hajiyat* lebih utama daripada hukum-hakam dalam kategori *al-Tahsiniyat*. Ia bermaksud bahawa dalam situasi tertentu apabila bertembung antara perkara yang membabitkan hukum antara *al-Hajiyat* dan *al-Dharuriyat* maka tidak harus mengaplikasikan hukum dalam kategori *al-Hajiyat* sekiranya ia membawa kepada terabainya hukum dalam kategori *al-Dharuriyat*. Begitu juga tidak harus mempertahankan *al-Tahsiniyat* sekiranya ia menyebabkan terabainya aspek *al-*

*Dharuriyat* dan *al-Hajiyat*. Oleh kerana itu, sebagai penjelasan atau aplikasi kepada panduan di atas maka dikemukakan satu contoh iaitu diharuskan membuka aurat dalam proses perubatan walaupun hukum asalnya adalah suatu yang wajib ditutup disebabkan menutup aurat berada dalam kategori *al-Tahsiniyat* berbanding perubatan yang bertujuan untuk memelihara jiwa yang termasuk dalam kategori *al-Dharuriyat* (Zaidan, 1993).

## KONSEP PAKAIAN WANITA ISLAM

Islam telah mensyariatkan konsep pakaian wanita berdasarkan dalil-dalil menerusi al-Quran dan al-Sunnah secara terperinci. Antaranya adalah firman Allah dalam surah al-Nur, ayat 31:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ  
أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ  
أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ  
وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ

Terjemahannya:

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya”.

(al-Quran 24:31)

Nas di atas telah ditafsirkan oleh sebahagian ulama sebagai menggambarkan bahawa wanita itu adalah sebagai perhiasan. Golongan ini cenderung menyatakan bahawa seluruh tubuh wanita itu adalah sebagai suatu perhiasan dan perlu dijaga daripada diperlihatkan kepada mereka yang tidak sepatutnya melainkan beberapa bahagian tertentu sebagai suatu kemudahan bagi mereka<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Imam Fakhrrurazi mengungkapkan perkataan perhiasan sebagai keindahan-keindahan tubuh badan dengan berhujahkan kepada: (1) Kebanyakan wanita tidak mempunyai perhiasan melainkan diri mereka sendiri. Daripada pernyataan ini, beliau menyatakan, “Sekiranya kita meletakkan makna perhiasan tersebut kepada diri (tubuh badan) wanita itu sendiri sedangkan makna perhiasan yang sebenarnya lebih umum daripada itu, maka adalah tidak menjadi masalah untuk memasukkan maksud perhiasan yang lain dalam makna perhiasan dalam ayat tersebut. (2) Ayat yang bermaksud “..dan hendaklah mereka sampaikan kain-kain tudung mereka ke dada-dada mereka..”, menunjukkan bahawa maksud perhiasan di dalam nas tersebut meliputi diri (tubuh badan) dan yang selain daripadanya yang termasuk dalam lingkungan perhiasan. Penjelasan dalam ayat itu seolah-olah Allah SWT menegah wanita Islam daripada menzahirkan keindahan diri (tubuh badan) mereka dengan pengarahannya kewajiban menutupnya dengan kain.

Selain daripada itu, terdapat juga nas yang menerangkan secara jelas konsep pakaian wanita di hadapan golongan yang dikira mahram (terutama apabila wanita keluar rumah). Nas tersebut adalah firman Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 59:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ  
يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Terjemahannya:

*“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya (jilbab) bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu<sup>2</sup> dan (ingatliah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

(al-Quran 33:59)

Nas di atas diperkuatkan dengan nas-nas lain yang menunjukkan bahawa pakaian yang disebutkan dengan istilah jilbab<sup>3</sup> merupakan pakaian untuk wanita ketika keluar daripada rumah dan berhadapan dengan lelaki yang bukan mahram. Antara dalil tersebut adalah hadis seperti berikut:

روى أن أم عطية قالت : يا رسول الله ! ان احدانا لا يكون لها جلباب . قال : لتلبسها أختها من  
جلبابها

Terjemahannya:

*Diriwayatkan daripada Ummu Atiyah, beliau berkata kepada Rasulullah SAW, “Wahai Rasulullah SAW, salah seorang daripada kami tidak mempunyai jilbab.” Lalu Rasulullah SAW berkata, “Saudaranya hendaklah memberikan kepadanya jilbab kepunyaannya.”*

(Sahih Muslim, *Kitab Solah al-Aidayn*, No.890)

Secara umumnya, penjelasan di atas merupakan sebahagian daripada nas-nas yang menerangkan berkenaan konsep berpakaian wanita dalam Islam. Menerusi nas-nas ini terdapat pelbagai hukum berkaitan pakaian wanita yang boleh diistinbat bagi menerangkan cara berpakaian wanita mengikut perspektif Islam yang sebenar dalam pelbagai kategori hukum. Antaranya adalah kategori berpakaian di hadapan mahram atau bukan mahram, kategori ketika dalam melakukan ibadah atau bukan dalam keadaan ibadah dan sebagainya. Walaupun begitu, dalam kertas kerja ini akan difokuskan konsep pakaian seorang wanita ketika berhadapan dengan lelaki yang bukan mahram sahaja. Berikut beberapa konsep asas pakaian wanita apabila berhadapan dengan lelaki bukan mahram iaitu:

<sup>2</sup> Al-Qurtubi (1987) menyatakan bahawa arahan ini bertujuan untuk membezakan wanita Islam yang merdeka daripada hamba-hamba wanita ketika keluar daripada rumah untuk menunaikan hajat mereka (buang air) supaya terselamat daripada gangguan lelaki-lelaki yang tidak berakhlak disebabkan berstatus wanita merdeka.

<sup>3</sup> Terdapat banyak pendapat ulama berkenaan maksud jilbab dan juga maksud melabuhkannya yang disentuh dalam Al-Quran. Antaranya ia bermaksud sebagai kain (*izar*) yang dipakai di atas tudung kepala. Manakala melabuhkannya pula, ada pendapat yang menyatakan jilbab itu hendaklah meliputi seluruh tubuh termasuk bahagian muka dan ada juga yang menyatakan sebaliknya (Ibnu Kathir, 1991). Walaupun begitu, terdapat ulama yang berpandangan bahawa pakaian wanita ini tidak semestinya terikat dengan pakaian yang dipakai oleh wanita pada zaman Rasulullah, bahkan memadai sekiranya pakaian tersebut menepati konsep-konsep berpakaian sepertimana dikemukakan dalam kertas kerja ini.

1. Tidak mendedahkan aurat iaitu menutup seluruh tubuhnya melainkan muka dan dua tapak tangan disebabkan seluruh tubuhnya adalah aurat melainkan dua bahagian ini. Dalil yang menjelaskan berkenaan perkara ini adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-Nur, ayat 31:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Terjemahannya:

“..dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya..”

(al-Quran 24:31)

Ibnu Abbas dan Aisyah (RA) telah mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahagian zahir yang boleh didedahkan tersebut adalah muka dan dua tapak tangan (al-Sharbini, 1984). Ibnu Kathir (1991) dalam tafsirnya terhadap nas di atas pula menyatakan bahawa dua anggota badan ini merupakan kemudahan atau kelonggaran kepada kaum wanita.

2. Tidak menzahirkan warna kulit badan, iaitu tidak terlalu nipis berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW:

صنفان من أهل النار لم أرهما : قوم معهم سياط كأذناب البقر يضربون بها الناس ونساء غاريات كأسيات مميّلات مائلات رؤسهن كأسنمة البخت المائلة لا يدخلن الجنة ولا يجدن ريحها وان ريحها ليوجد من مسيرة كذا وكذا

Terjemahannya:

“Ada dua golongan daripada ahli neraka yang belum pernah saya lihat keduanya itu. Pertamanya, kaum yang membawa cambuk seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk memukul orang (penguasa yang kejam). Keduanya, perempuan-perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, yang cenderung kepada perbuatan maksiat dan mencenderungkan orang kepadanya, rambutnya sebesar bonggol unta. Mereka ini tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya, sedangkan baunya itu boleh terhidu oleh seseorang dari jarak sejauh perjalanan sedemikian dan sedemikian.”

(Sahih Muslim, Kitab al-Nisa' al-Kasiyat al-Ariyat al-Mailat al-Mumilat, No. 2128)

Maksud berpakaian tetapi telanjang ini menurut al-Sabuni (1980) ialah pada mata kasar dilihat berpakaian tetapi pada hakikatnya adalah bertelanjang.

3. Tidak menampakkan susuk tubuh badan melalui pakaian tersebut iaitu tidak berpakaian ketat. Apa yang dianjurkan oleh Islam ialah pakaian longgar yang tidak menampakkan susuk tubuh badannya. Perkara ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya:

عن أسامة بن زيد قال : كساني رسول الله صلى الله عليه وسلم قبطية كثيفة مما أهداها له دحية الكلبي , فكسوتها امرأتي , فقال مالك لم تلبس القبطية ؟ قلت كسوتها امرأتي . فقال مرها فلتجعل تحتها غلالة , فاني اخاف ان تصف حجم عظمها

Terjemahannya:

Daripada Usamah Bin Zaid, berkata, Rasulullah SAW telah memberikan kepadanya sehelai kain Qibtiyah tebal yang dihadiahkan kepada Baginda SAW oleh Dahiyah al-Kalbi. Beliau kemudiannya memberikannya kepada isterinya. Apabila ditanya oleh Rasulullah SAW berkenaan sebab beliau tidak memakainya, beliau pun menjelaskan hal yang sebenar. Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Perintahkanlah dia (isteri Usamah)

*memakai ghilalah<sup>4</sup> (lapikan) dibawahnya kerana aku takut kain itu akan menunjukkan saiz tulangnya.”*

(Musnad Imam Ahmad, No.21279)

4. Tidak berpakaian atau berpenampilan yang berunsur menarik perhatian kaum lelaki terhadap kecantikan wanita tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat 33:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتَيْنَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا

Terjemahannya:

“Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah<sup>5</sup> kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri (*tabarruj*) seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu-Wahai "Ahlul Bait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)”.

(al-Quran 33:33)

Maksud *tabarruj* ini ialah berjalan di hadapan kaum lelaki dalam keadaan menggoda dan takjub dengan kecantikan diri sendiri serta mempamerkan kecantikan dan perhiasan-perhiasan yang dipakainya. Muhammad Abdul Aziz Amru (2009) pula menyebutkan bahawa *tabarruj* adalah keadaan di mana wanita menzahirkan perhiasan dan kecantikannya kepada orang lelaki. Penjelasan ini menunjukkan bahawa *tabarruj* sebagai tindakan berunsur menghairahkan dan bertujuan menarik perhatian kaum lelaki. Manakala nas yang lebih khusus berkenaan penampilan melalui tindakan yang menghairahkan ini, Allah SWT telah menyebutkan dalam surah al-Nur, ayat 31:

وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ

Terjemahannya:

“Dan janganlah mereka menghentak kaki-kaki mereka bagi memperdengarkan perhiasan-perhiasan mereka.”

(al-Quran 24:31)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Al-Qurtubi (1987) telah menyebutkan: “Janganlah wanita menghentakkan kakinya ke tanah ketika berjalan untuk memperdengarkan bunyi rantai kakinya. Ini adalah disebabkan memperdengarkan bunyi perhiasan tersebut adalah seolah-olah mempamerkannya atau kesannya lebih teruk daripada itu.”

<sup>4</sup> Perkataan *ghilalah* dalam bahasa Arab bermakna kain tebal yang dilapik di bahagian bawah (dalam) pakaian untuk menghalangnya daripada terdedah bentuk tubuh badan.

<sup>5</sup> Nas ini menunjukkan bahawa hukum asal bagi wanita adalah mereka dikehendaki berada di rumah, tetapi jika ingin keluar, dibenarkan dalam lingkungan *maslahah* yang diiktiraf oleh Islam iaitu seperti berjual beli, belajar, berubat dan sebagainya dengan tidak bertabarruj seperti mana kelakuan wanita-wanita pada zaman jahiliyah.

5. Pemakaian tudung kepala menutupi seluruh bahagian kepala kecuali muka dan dilabuhkan sehingga menutupi bahagian dadanya berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nur, ayat 31<sup>6</sup>:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

Terjemahannya:

“Dan hendaklah mereka (wanita) menutupkan kain tudung ke dada mereka.”

(al-Quran 24:31)

## KONSEP BERPAKAIAN DALAM ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMELIHARAAN MASLAHAH DALAM ISLAM

Secara umumnya, konsep berpakaian wanita di hadapan bukan mahram yang dibincangkan di sini adalah bertujuan untuk memelihara *maslahah* manusia sebagaimana kesemua hukum-hukum yang disyariatkan Islam. Manakala secara lebih spesifik sepertimana yang boleh dipetik daripada penjelasan di atas, *maslahah* ini adalah dalam kategori pelengkap kepada *maslahah al-Dharuriyat*, iaitu ia sebagai hukum yang dikemukakan syariat Islam bagi mengelak berlakunya zina. Kerosakan akibat zina ini menjerumuskan kepada rosaknya aspek zuriat yang merupakan sebahagian daripada aspek yang dituntut untuk dipelihara dalam kategori *al-Dharuriyat*. Selain itu, ia juga boleh dimasukkan dalam kategori *al-Tahsiniyat* sepertimana yang telah dijelaskan dalam konteks menutup aurat bagi menghayati cara hidup bermaruah dan akhlak yang tinggi.

Walaupun begitu, penelitian terhadap nas-nas yang berkenaan serta tafsiran-tafsiran para ulama terhadapnya menunjukkan bahawa *maslahah* di sebalik konsep berpakaian wanita adalah lebih sinonim dengan kategori *al-Dharuriyat* berbanding *al-Tahsiniyat*. Ini adalah disebabkan konsep pakaian wanita ini bukan sekadar menekankan aspek menutup aurat tetapi ia menjangkau lebih daripada itu sepertimana yang telah dijelaskan di atas. Antara yang paling jelas adalah konsep ke empat di atas yang turut dijelaskan tujuannya iaitu untuk mengekang pandangan beryahwat lelaki terhadap wanita. Malahan para ulama dalam bidang undang-undang jenayah Islam juga telah mengkategorikan hukum-hukum berkaitan pakaian wanita ini sebagai sebahagian daripada sistem Islam yang menjerumuskan ke arah pencegahan jenayah zina (Mahir, 1972)<sup>7</sup>. Perkara ini diperkuatkan dengan nas-nas lain yang menggambarkan fitnah wanita. Antaranya, sabda Rasulullah:

ان الدنيا حلوة خضرة وان الله مستخلفكم فيها فاتقوا الدنيا واتقوا النساء فان اول فتنة بني اسرائيل كانت في النساء

Terjemahannya:

“Sesungguhnya dunia ini seumpama makanan enak (kemanisan) dan pokok-pokok menghijau (keindahan), dan Allah menjadikan kamu khalifah di atasnya, maka takutilah

<sup>6</sup> Al-Qurtubi (1987) menyebutkan di dalam tafsirnya bahawa sebelum penurunan arahan ini, menjadi kelaziman wanita-wanita Islam ketika itu memakai kain tudung yang hanya menutup bahagian atas kepala (rambut) mereka sahaja dan membiarkan kain itu mengurai ke belakang seperti yang dipakai oleh wanita-wanita lain pada waktu tersebut. Pemakaian seperti ini menzahirkan bahagian telinga, tengkuk dan bahagian atas dada mereka. Lalu, Allah SWT menurunkan nas ini bagi menjelaskan bentuk pakaian wanita yang sebenar. Dalam perkara ini, Aisyah RA menyatakan bila mana turunnya ayat ini, wanita-wanita Islam dari kalangan muhajirin dengan segera telah mengoyakkan kain-kain kepunyaan mereka untuk menutup bahagian-bahagian yang diarahkan oleh Allah SWT.

<sup>7</sup> Beliau (Mahir, 1972) menyatakan bahawa Islam telah mengemukakan ketetapan-ketetapan tertentu bagi wanita, antaranya ialah tidak dibenarkan melakukan perlakuan-perlakuan yang boleh merangsang nafsu lelaki apabila berhadapan dengan mereka bagi mengelak berlakunya jenayah zina berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Ahzab, ayat yang ke 33.



*(berhati-hatilah) dengan dunia dan wanita, sesungguhnya fitnah yang pertama berlaku terhadap Bani Israel adalah disebabkan wanita”*

(Sahih Muslim, *Kitab al-Raqaq*, No. 2742)

Menurut al-Thalidi (1990), hadis ini menggambarkan bahawa wanita<sup>8</sup> merupakan makhluk yang boleh menarik jiwa seseorang lelaki kepada menyukainya dan terpesona kepadanya sepertimana terpesonanya seseorang itu kepada makanan yang enak dan pandangan yang menarik. Oleh kerana itu, hadis ini menyarankan agar berhati-hati terhadap wanita dengan maksud memelihara dan mengelak daripada keadaan-keadaan yang boleh mendatangkan fitnah, serta mengelak daripada bercampur gaul dengan wanita, memelihara pandangan daripada melihat kecantikan mereka, menjauhi daripada berkhalwat dengan mereka serta lain-lain perkara yang menjadi jalan ke arah pintu-pintu fitnah.

Selain daripada itu, kedudukan *masalahah* dalam konsep pakaian wanita ini sebagai kategori *al-Dharuriyat* boleh dilihat juga menerusi perbincangan berkenaan kelonggaran syarak dalam situasi darurat. Contohnya, dalam aspek rawatan terhadap wanita yang dilakukan oleh doktor lelaki sehingga peringkat mendedahkan aurat, doktor lelaki hanya boleh untuk melihat dan merawat bahagian yang diperlukan dalam proses perubatan sahaja dan tidak lebih daripada itu (al-Salus, 2010). Perkara ini juga telah diputuskan harus dalam Nadwah al-Injab anjuran *al-Munazzamah al-Islamiah li al-Ulum al-Tibbiyah* pada 11 Syaaban 1403H. Antara lain keputusan itu adalah diharuskan melihat aurat mereka yang lawan jenis atas tujuan penerokaan bidang perubatan, perubatan dan pengajaran. Walaupun begitu, ia hanya dalam lingkungan aurat yang diperlukan bagi memenuhi tujuan-tujuan tersebut sahaja. Dalam masa yang sama disyaratkan agar pesakit ditemani oleh seseorang yang dapat mencegah berlakunya khalwat antara doktor dan pesakit. Teman itu sebaik-baiknya adalah suami pesakit dan sekiranya tiada maka urutan seterusnya ialah mahram dan sekiranya tiada mahram, perlu ada wanita yang boleh dipercayai yang dapat mengelak berlaku gejala khalwat tersebut. Sekiranya terdapat orang lain bersama doktor berkenaan dalam proses rawatan maka disyaratkan kehadiran itu atas keperluan rawatan serta wajib memelihara sebarang rahsia yang diketahui dalam proses tersebut (al-Salus, 2010).

Berhubung situasi tiada doktor perempuan seperti di atas, hukum asalnya adalah haram tetapi diharuskan ketika situasi tiada doktor perempuan yang berkelayakan melakukan rawatan tersebut<sup>9</sup>. Hukum ini merujuk kepada pandangan jumhur ulama yang mewakili keempat mazhab terbesar dalam Islam yang berpegang bahawa harus membuka aurat kepada orang yang lawan jenis atas tujuan perubatan sekiranya menepati syarat-syarat tertentu yang diputuskan oleh syarak (Muhammad, M.H., 2008). Ketiadaan doktor perempuan di atas termasuk dalam syarat-syarat yang disebutkan dalam pendapat jumhur ulama ini. Situasi ini dikategorikan sebagai harus kerana darurat berdasarkan kepada kaedah fiqh: *الضرورة تبيح المحظورات* yang bermaksud: “kemudaratan membolehkan hal-hal yang dilarang”. Walaupun begitu, kaedah ini dibatasi pula oleh kaedah fiqh yang lain iaitu: *ما ابيح للضرورة* *ما يقدر بقدرها* yang bermaksud: “Apa yang dibolehkan kerana adanya kemudaratan diukur menurut kadar kemudaratan”. Oleh itu, walaupun doktor lelaki itu harus melakukan rawatan tetapi beliau tidak boleh melihat, menyentuh, memegang dan sebagainya bahagian tubuh pesakit yang tidak termasuk dalam bahagian yang perlu dirawat (H. Abdul Mudjib, 2004). Perkara ini menunjukkan bahawa keharusan rawatan doktor lelaki dengan syarat-syarat tersebut adalah sebagai pemeliharaan kepada *masalahah*

---

<sup>8</sup> Wanita yang disebutkan dalam hadis ini adalah wanita ajnabi (selain mahram dan isteri), adapun isteri, maka maksud berhati-hati dengannya pula adalah mengelak daripada mengikuti hawa nafsunya. Ini disebabkan ramai wanita yang kurang akalannya sehingga mudah untuk ditundukkan oleh hawa nafsu mereka sendiri. (al-Thalidi, 1990).

<sup>9</sup> Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang pada tahun 1993 telah memutuskan bahawa dalam keadaan wujudnya doktor perempuan muslimah yang pakar dalam bidang ini, maka hukumnya wajib pesakit tersebut berubat dengan beliau. Sekiranya tiada, maka doktor wanita bukan muslimah sebagai gantinya. Seterusnya jika tiada, barulah diberikan kelonggaran untuk berubat dengan doktor lelaki muslim dan jika tiada, maka doktor lelaki bukan muslim sebagai pilihan terakhir (al-Salus, 2010).

dalam kategori *al-Dharuriyat* itu sendiri iaitu mengelak kepada situasi yang boleh membawa kepada zina.

Berdasarkan penjelasan di atas, ia menunjukkan fokus utama pemeliharaan *masalahah* dalam konsep pakaian wanita di hadapan lelaki bukan mahram ini adalah dalam aspek memelihara masyarakat daripada terjebak kepada jenayah zina atau jenayah terhadap wanita. Oleh kerana itu, dalam situasi yang tidak membawa kepada jenayah ini maka syariat Islam memberikan kelonggaran kepada wanita untuk berpakaian dengan konsep yang berbeza daripada konsep yang dibincangkan di atas. Sebagai contohnya, Muhammad Abdul Aziz (2009) menyatakan bahawa wanita boleh berhias dengan apa-apa perhiasan dan apa-apa pakaian, sama ada pakaian itu nipis atau tebal, labuh atau singkat di hadapan suaminya di dalam rumah. Beliau juga boleh menggunakan apa sahaja yang boleh mendatangkan kegembiraan kepada suaminya selagi mana ia tidak termasuk dalam lingkungan perkara yang diharamkan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, konsep pakaian wanita Islam di hadapan golongan bukan mahram yang diutarakan Islam ini adalah bertujuan untuk menutup jalan-jalan kerosakan daripada berlaku khususnya dalam bentuk jenayah seksual terhadap wanita. Ia bukanlah suatu bentuk diskriminasi atau ketidakadilan terhadap wanita, malahan sebagai suatu usaha untuk memelihara maruah wanita itu sendiri yang dilihat semakin direntap secara rakus atas alasan kemodenan. Bahkan ketidakadilan yang sebenar pada hari ini adalah menerusi promosi cara berpakaian yang bersifat menelanjangkan sebahagian besar tubuh badan wanita untuk ditatapi dengan penuh nafsu oleh lelaki bukan mahram mereka. Sehubungan itu, konsep pakaian yang dikemukakan ini boleh dijadikan sebagai salah satu pakej bagi mencegah masalah jenayah seksual yang semakin berleluasa dalam masyarakat hari ini. Akhirnya diharapkan kertas kerja ini dapat memberi manfaat kepada penjelasan berkenaan tujuan konsep pakaian ini iaitu pemeliharaan *masalahah* manusia itu sendiri.

## RUJUKAN

- Abū Dāwūd, Sulaimān Ibn al-Ash<sup>as</sup> al-Sajastānī al-Azdī. (t.th). *Sunan abū dāwūd*. Ḥamas: Muḥammad °Alī al-Sayyid Nashr wa Tauzī<sup>c</sup>.
- al-Buti, Said Ramadhan. (1982). *Dawabit al-Maslahah fi syari'ah al-Islamiyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (t.th.). *Al-Mustasfa min ilmi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- H. Abdul Mudjib. (2004). *Kaidah-kaidah ilmu fiqh* (Cet. ke-5). Jakarta: Penerbit Kalam Mulia.
- Ibnu Kathīr, al-Ḥāfiẓ °Imad al-Dīn Abī al-Fidā' °Ismā<sup>c</sup>il (1991). *Tafsīr al-Qurān al-°Azīm* (Cet. ke-2). Beirut: Dār al-Khair.
- Mahir, Muhammad. (1972). *Al-Kafah Diddu al-Jarimah fi al-Islam*. t.tp.: Matabi' al-Ahram al-Tijariyah.
- Muhammad Abdul Aziz. (2009). *Al-Libas wa al-Zinah fi al-Shariah al-Islamiyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is Li al-Nashr wa al-Tauzi<sup>c</sup>.
- Muhammad, M. H. (2008). *Ijarah al-Arham bayn al-Tibb wal shariah al-Islamiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Muslim, al-Imām Muslim Ibnu al-Ḥajjaj Abū Ḥusain al-Qushairī al-Nisābūrī. (2001). *Ṣaḥīḥ muslim bi sharḥ al-Nawāwī*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Qurtūbī, Abū °Abdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anṣārī. (1987). *Al-Jami<sup>c</sup> li ahkām al-Qurān*. Mesir: Al-Hai'ah al-Maṣriyyah al-°Ammah Li al-Kitāb.
- al-Sabuni, Muhammad Ali. (1980). *Rawa'ic al-Bayan: Tafsir ayat al-Ahkam* (Cet. ke-3). Damshik: Maktabah al-Ghazali
- al-Salus, Ali Ahmad (2010). *Al-Qadhaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah wa al-Iqtisad al-Islami*. Mesir: Maktabah Dar al-Quran.

- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila ma'rifah ma'ani alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Thalidi, Abdullah. (1990). *Al-Mar'ah al-Mutabarrijah wa atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah* (Cet. ke-2). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Utusan Malaysia. (2017, November 16). Tarik lesen hotel jika larang pekerja bertudung, 5.
- Zaidān, °Abd al-Karīm. (1993). *Al-Wajīz fī uṣul al-Fiqh*. Qāhirah: Dār al-Tauzī° wa al-Nashr al-Islāmiyyah.